

**Tarikh Dibaca: 16 Oktober 2015**

# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

**“HIJRAH KE ARAH PEMBENTUKAN  
DAULAH ISLAMIAH”**

\*\*\*

***Terbitan:  
Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR 2012-2015

1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsal (Timbalan Pengerusi)  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
3. SS. Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar (Ahli)  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)
6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)
7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)
8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)
9. Tuan Haji Abdul Halim Hapiz Bin Salihin (Ahli)
10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- II. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)  
Majlis Agama Islam Selangor
12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## "HIJRAH KE ARAH PEMBENTUKAN DAULAH ISLAMIAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَا جَرُوا وَجَهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ أَعْظَمُ دَرَجَةً عِنْدَ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فِيَآ أَيَّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلِهِ وَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Di kesempatan pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan kepada siding Jumaat sekalian marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya mudah-mudahan kita memperolehi keredhaan dan perlindungan-Nya di dunia dan di akhirat.

Tajuk khutbah kita pada minggu ini ialah **"HIJRAH KE ARAH PEMBENTUKAN DAULAH ISLAMIAH"**

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Alhamdulillah, kita telah memasuki tahun baru 1437 Hijrah. Ma'al Hijrah sebenarnya telah mengingatkan kita kepada peristiwa hijrah Rasulullah SAW dan para sahabatnya RA. Penyatuan dua golongan Muhajirin dan Ansar telah melahirkan perpaduan, persepakatan dan telah menyemarakkan lagi persaudaraan sesama umat Islam. Perlu kita ingat bahawa berjayanya hijrah menjadi jambatan tertegaknya daulah Islamiah. Kejayaan hijrah ini juga telah mengubah keadaan akidah, ibadah, akhlak dan gaya hidup ummah ketika itu. Allah SWT telah menjanjikan pelbagai kebaikan kepada golongan yang berhijrah sama ada di dunia maupun di akhirat seperti firman-Nya dalam surah ali-Imran ayat 195:

...فَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَأُخْرِجُوا مِن دِيْرِهِمْ وَأُوذُوا فِي سَبِيلِي وَقَاتَلُوا وَقُتُلُوا لَا كُفَّرَنَ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَا دُخْلَنَهُمْ



جَنَّتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ شَوَّابًا مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ وَاللَّهُ  
عِنْدَهُ حُسْنُ الْثَّوَابِ



"...Maka orang-orang yang berhijrah (kerana menyelamatkan agamanya), dan yang diusir ke luar dari tempat tinggalnya, dan juga yang disakiti (dengan berbagai-bagai gangguan) kerana menjalankan agamaku, dan yang berperang (untuk mempertahankan Islam), dan yang terbunuh (gugur Syahid dalam perang Sabil) - Sesungguhnya Aku akan hapuskan kesalahan-kesalahan mereka, dan Sesungguhnya Aku akan masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala dari sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal soleh)".

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Hijrah dan daulah merupakan dua kalimah yang penuh bermakna dan saling berkait rapat antara satu sama lain. Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Menjadi suatu kesilapan bagi mereka yang hanya menyebut tentang *Hijraturrasul* tetapi tidak mengaitkannya dengan pembinaan Daulah Islamiyah kerana ia akan menyembunyikan matlamat utama kebenaran hijrah itu sendiri iaitu untuk menegakkan sebuah Daulah Islamiyah yang memastikan agama bukan setakat hanya memperkatakan masalah individu tetapi turut merangkumi masalah kemasyarakatan dan Negara.

Hijrahnya Nabi SAW dari Kota Mekah ke Kota Madinah bukan setakat berpindah tempat tetapi turut menghijrahkan keadaan umat daripada yang lemah kepada gagah, umat yang tertindas kepada umat yang bergerak



cergas, umat yang melarat kepada umat yang berdaulat, dakwah yang hanya bergerak dalam lingkungan terbatas kepada masyarakat yang lebih luas. Daripada penekanan hanya berkaitan aqidah dan ibadah kepada perlaksanaan Islam dalam semua sistem kehidupan manusia.

Hijrah memastikan umat Islam sentiasa bergerak kehadapan bersama suluhan wahyu bukannya undur kebelakang akibat tertipu oleh nafsu, sogokan atau harta. Hijrah membina identity diri umat Islam agar menjadi contoh teladan yang baik kepada umat lain. Firman Allah SWT dalam Surah an-Nisa ayat 100:

﴿ وَمَنْ يُهَا جِرِّ فِي سَبِيلِ اللَّهِ تَجِدُ فِي الْأَرْضِ مُرَاغَمًا كَثِيرًا وَسَعَةً ۝ وَمَنْ تَخْرُجَ مِنْ بَيْتِهِ مُهَاجِرًا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۝ ثُمَّ يُدْرِكُهُ الْمَوْتُ فَقَدْ وَقَعَ أَجْرُهُ عَلَى اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴾

“Dan sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah (untuk membela dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki yang makmur; dan sesiapa yang keluar dari rumahnya Dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**



Penghijrahan Rasulullah SAW dari Kota Makkah ke Kota Madinah menghasilkan pembentukan Daulah Islamiah melalui 3 asas utama iaitu;

**Pertama:** Pembinaan masjid yang dijadikan sebagai pusat melaksanakan berbagai aktiviti bagi membina ikatan manusia dengan Allah dan hubungan sesama manusia yang menjadi kekuatan utama menjana kesejahteraan dan keberkatan sesebuah Negara. Manakala ikatan yang membentuk sesama umat melalui pembinaan masjid itu adalah at-Taqwa (ketaqwaan kepada Allah).

Firman Allah SWT dalam surah at-Taubah ayat 108:

لَا تَقْمِرْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٌ أُسِّسَ عَلَىٰ الْتَّقْوَىٰ مِنْ  
أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ رِجَالٌ تُحِبُّونَ أَنْ  
يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ



*"Jangan Engkau sembahyang di Masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya Masjid (Qubaa' yang Engkau bina Wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya Engkau sembahyang padanya. di dalam Masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)."*

**Kedua:** Membina ikatan persaudaraan yang kuat antara golongan Muhibbin dari Mekah dengan golongan Ansar yang merupakan anak watan



Madinah sehingga hubungan kemanusiaan atas dasar iman ini banyak membantu dalam membangunkan sebuah Negara Islam yang kuat.

Ikatan ukhuwah umat Islam ibarat sebatang tubuh apabila satu anggota merasa sakit menyebabkan anggota lain turut menderita. Hadis daripada Nu'man B. Basyir RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Perumpamaan orang yang beriman dalam berkasih sayang, bersilaturrahim dan bersikap lemah lembut sesama mereka seperti tubuh badan yang satu ,apabila satu anggota terasa sakit maka seluruh tubuh turut merasa sakit disebabkan berjaga malam dan demam".*

(Riwayat Muslim).

**Ketiga:** Membentuk Piagam Madinah yang merupakan asas pembinaan Negara yang pertama di dunia dalam memastikan setiap lapisan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama dapat hidup aman di bawah satu sistem yang adil dan saksama. Keadilan dan kehebatan sistem Islam bukan sahaja dapat dinikmati oleh umat Islam malah turut dirasai oleh orang bukan Islam.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَاكُمْ  
إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ



*"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu)".*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Hijrah walaupun dilihat pada mata kasar seolah-olah berundur, tetapi sebenarnya tidak. Ia adalah langkah bersedia untuk melonjak lebih jauh kehadapan. Hasilnya, pelaksanaan Islam selepas hijrah menjadi lebih syumul, daripada hanya bermula bagi pembentukan individu dan keluarga sahaja namun hijrah dapat melonjak kepada pelaksanaan sistem pemerintahan di peringkat masyarakat dan negara.

Justeru, mimbar ingin mengingatkan kepada para Jemaah dan umat Islam sekalian bahawa, apa yang paling penting ialah segala usaha dan perancangan untuk melaksanakan konsep hijrah itu hendaklah berteraskan al-Quran dan as-Sunnah serta berdasarkan niat yang penuh ikhlas untuk mencari redha Allah SWT semata-mata.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah**

Taujihat dan pengajaran yang dapat kita ambil daripada khutbah pada hari ini adalah seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah menghayati konsep Islam sebagai ad-Din yang meliputi semua ruang lingkup kehidupan.



2. Umat Islam mestalah memahami konsep hijrah yang lebih luas yang meliputi semua aspek kehidupan umat manusia.

3. Umat Islam hendaklah mempunyai azam yang kuat untuk membina sebuah Negara Islam sepetimana yang dibina oleh Rasulullah SAW meliputi perpaduan, keadilan, ekonomi, politik melalui usaha-usaha dakwah dan doa kepada Allah SWT.

4. Umat Islam hendaklah sentiasa berhijrah ke arah yang lebih baik seperti menambahkan ilmu pengetahuan, meningkatkan taqwa, memajukan ekonomi dan memperbaiki hubungan dan perpaduan sesama masyarakat serta lain-lain dengan penuh istiqamah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَالَّذِينَ هَاجَرُوا وَجَاهُدُوا فِي  
سَبِيلِ اللَّهِ أَوْلَئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ اللَّهِ وَاللَّهُ غَفُورٌ

رَحِيمٌ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam), mereka itulah orang-orang yang mengharapkan rahmat Allah. Dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".

(Surah al-Baqarah : 218).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَكُمْ بِأَقْرَآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا  
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاء مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
الَّهُمَّ إِنَا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بَنَيْكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَّ لَهُ مَلِكُنَا الْمُعَظَّمِ سُلطَانِ



سَلَّٰعُور، سُلْطَانٌ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانٌ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَّٰعُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ  
الدِّينِ ادريس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.